

14 AUG 2002

Terminal-Kelantan (Bergambar)

TERMINAL L/TERBANG BARU RM55 JUTA DI KELANTAN DIBUKA BULAN DEPAN

KOTA BAHARU, 14 Ogos (Bernama) -- Bangunan terminal baru Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, di sini yang akan mula beroperasi bulan depan mampu menampung kapasiti 500 penumpang sejam berbanding hanya 100 penumpang sejam sekarang.

Pengurus Besar Perkhidmatan Pengurusan dan Teknikal Malaysia Airports Holding Bhd (MAHB) Aziz Md Nor berkata pembukaan terminal baru berharga RM55 juta itu mampu mengatasi kesesakan yang berlaku di lapangan terbang itu sekarang.

"Bangunan Terminal seluas 12,000 meter padu yang berkonsepkan seni bina Moorish ini turut dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan dan kemudahan termoden lapangan terbang," katanya ketika menyampaikan taklimat bangunan terminal itu kepada rombongan kerajaan Kelantan yang diketuai oleh Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Yang turut hadir ialah Pengerusi MAHB Tan Sri Basir Ismail dan Pengarah Eksekutif (Operasi) MAHB Datuk Adnan Shamsuddin.

Aziz berkata bangunan terminal itu yang akan menggantikan terminal lama, kini telah siap 94 peratus.

Menurutnya terminal baru itu yang enam kali lebih besar daripada terminal lama mampu menampung kapasiti maksimum dua juta penumpang setahun yang dijangka dicapai pada 2015 berbanding kapasiti penumpang sekarang sebanyak 550,000 orang setahun.

Antara komponen terminal baru itu ialah 14 unit kaunter daftar masuk, 300 petak letak kereta, apron untuk tiga buah pesawat Boeing 737 serta dua buah F-50, dua laluan "taxiway", dua ruang VIP dan satu ruang VVIP.

Pembinaan bangunan terminal baru itu yang dilaksanakan dalam dua fasa, bermula pada September 1999 dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh empat bulan.

Sementara itu, Nik Aziz menyifatkan bangunan terminal baru lapangan terbang itu sebagai satu lagi projek pembangunan yang menguntungkan rakyat dan negeri itu.

Katanya pembukaan terminal baru itu akan memudahkan proses penghantaran barangan melalui pengangkutan udara serta memudahkan rakyat Kelantan yang berniaga di luar Kelantan untuk berulang-alik.

Beliau bagaimanapun berharap kerajaan pusat dapat meningkatkan taraf lapangan terbang sedia ada menjadi lapangan terbang antarabangsa bagi memudahkan penerbangan terus ke luar negara seperti Tokyo dan Jeddah.

"Ini permintaan saya yang sudah lama dibuat. Malahan saya dah maklum kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) beberapa tahun lepas," katanya.

Menurutnya bagi mencapai matlamat mengendalikan penerbangan antarabangsa, pihak berkuasa perlu memanjangkan landasan kapal terbang sedia ada, yang sekarang hanya mampu menampung pesawat Boeing 737.

Katanya langkah itu akan menggalakkan industri pelancongan di Kelantan.

-- BERNAMA

RAR LAT